




Hajah Naedawati binti Haji Morsidi,
Research and Development,
Department of Policy and Planning,
Ministry of Health,
Brunei Darussalam.
Email: naeda.morsidi@moh.gov.bn

PENELITIAN PERLAKSANAAN PEMBERIAN LAMPIN PAKAI BUANG DAN ALAT BANTUAN PENYUSUAN

**Cadangan Penggantian Pemberian Bantuan Lampin
Pakai Buang dan Alat Bantuan Penyusuan Dengan
Insentif Kewangan**



Penghargaan

1. *Awang Maswadi bin Haji Mohsin, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan;*
2. *Hajah Zahrah binti Dato Paduka Haji Hashim, Pengarah Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan;*
3. *Dr Hajah Rafidah binti Haji Gharif, Ketua Perkhidmatan Komuniti, Kementerian Kesihatan;*
4. *Dayang Lydiana Harliza binti Haji Abdul Kadir, Pegawai Kesihatan Kanan, Jabatan Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan;*
5. *Dayang Norizyan binti Haji Anam, Pegawai Kesihatan Awam, Jabatan Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan.*

Kertas Dasar : Penelitian Perlaksanaan Pemberian Lampin Pakai Buang Dan Alat Bantuan Penyusuan

[Cadangan Penggantian Pemberian Bantuan Lampin Pakai Buang dan Alat Bantuan Penyusuan Dengan Insentif Bentuk Kewangan]

I. Pengenalan

Pada Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara tahun 2017 yang bermula pada 6 Mac 2017, Kementerian Kewangan telah mengumumkan satu dasar baru bagi mendokong usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melahirkan masyarakat yang sihat demi membantu pembangunan negara. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kerjasama Kementerian Kewangan dan Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan skim bantuan kepada ibu-ibu yang baru melahirkan anak-anak damit yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam. Bantuan yang telah dihulurkan adalah seperti berikut:

- a) Pemberian lampin pakai buang kepada setiap anak damit yang baru dilahirkan bagi tempoh selama 12 bulan dari tarikh kelahiran anak damit berkenaan; dan
- b) Pemberian alat bantuan penyusuan susu ibu (*breastpump*) pada setiap kelahiran atau bagi tempoh 2 tahun sekali tertakluk kepada tempoh mana yang lebih lama.

Pemberian lampin pakai buang dan alat penyusuan susu ibu telah mula dilaksanakan pada 1 April 2017. Objektif utama pemberian lampin pakai buang dan alat penyusuan ibu ini adalah untuk meringankan beban ibu bapa dalam menyediakan keperluan penjagaan anak damit sekaligus sebagai hadiah daripada Kerajaan kepada masyarakat yang patut disambut sebagai tanda kesyukuran menyambut kelahiran anak damit . Pemberian ini juga dijadikan sebagai insentif kepada para ibu bapa khususnya bagi memastikan anak berkenaan akan mendapat penjagaan yang sewajarnya terutama sekali dari aspek kesihatan. Salah satu insentif yang dimaksudkan adalah untuk menggalakkan ibu-ibu memberikan susu ibu kepada anak damit mereka sesuai dengan keperluan dan garispandu yang telah disarankan oleh Kementerian Kesihatan, dan juga sepertimana yang dituntut di dalam Agama Islam mengenai hak ibu dan anak-anak dalam penyusuan iaitu bagi menyempurnakan penyusuan sehingga anak damit mencapai umur 2 tahun tertakluk kepada hukum dan syarat-syarat tertentu.

2. Situasi Masa Kini

Pengagihan pek-pek lampin pakai buang dan alat bantuan penyusuan ibu disalurkan melalui kemudahan-kemudahan kesihatan yang memberikan perkhidmatan kepada ibu-ibu dan kanak-kanak di seluruh negara. Semenjak 1 April 2017 sehingga Januari 2018, Kementerian Kesihatan telah mengagihkan lebih kurang sebanyak 45,607 pek lampin pakai buang (April 2017 - Januari 2018) dan 3,508 alat bantuan penyusuan (April – Disember 2017) kepada semua yang berhak di setiap kemudahan perkhidmatan ibu dan kanak-kanak Kerajaan di seluruh negara. Kementerian Kewangan juga membekalkan pek lampin pakai buang ke klinik-klinik kerajaan yang lain dan swasta seperti Bolkiah Garrison, Jerudong Park Medical Centre dan Klinik Panaga. Pengagihan pek lampin pakai buang dan alat bantuan penyusuan ibu kepada penerima-penerima bantuan adalah berpandukan kepada **Garispandu Pemberian Alat Bantuan Penyusuan (Breast Pump) dan Lampin Pakai Buang** (Lampiran I).

Kemudahan Kesihatan (Kementerian Kesihatan) Yang Menerima Bekalan Lampin Pakai Buang

BRUNEI-MUARA:	TUTONG:
1. Pusat Kesihatan Muara	1. Pusat Kesihatan Tutong
2. Pusat Kesihatan Berakas	2. Klinik Kesihatan Sg Kelugos
3. Klinik Kesihatan Sg Besar	3. Klinik Kesihatan Telisai
4. Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Mutawakkilah Hayatul Bolkiah	4. Pusat Kesihatan Lamunin
5. Pusat Kesihatan Jubilee Emas Bunut	
6. Pusat Kesihatan Jubilee Perak, Sengkurong	
7. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu	
8. Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bokiah, di Sg Asam	
BELAIT:	TEMBURONG
1. Pusat Kesihatan Belait	1. Hospital Pengiran Anak Isteri Hajah Mariam, Bangar
2. Pusat Kesihatan Sg Liang	
3. Klinik Kesihatan Labi	

Dalam memastikan bekalan lampin pakai buang diagihkan secara teratur dan saksama, Kementerian Kesihatan telah mengamanahkan setiap kemudahan kesihatan khususnya hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan komuniti dan klinik-klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak untuk mematuhi Garispandu yang telah ditetapkan termasuk kaedah pengagihan seperti berikut:

Pengagihan Pek Lampin Pakai Buang Dari Umur 0-12 Bulan Melalui Kementerian Kesihatan



Bagi memudahkan pengagihan tersebut, Kementerian Kesihatan juga telah menyediakan sistem **Daftar Pengagihan Lampin Pakai Buang** dan **Rekod Pemberian Alat Bantuan Penyusuan dan Lampin Pakai Buang** di semua pusat-pusat kesihatan komuniti dan klinik-klinik ibu dan kanak-kanak (*MCH clinics*) di seluruh negara sepetimana di Lampiran 2 dan 3.

2.1. Isu Pengagihan dan Pemberian Lampin Pakai Buang

2.1.1 Kelambatan Dalam Menerima Bekalan Lampin Pakai Buang dan Saiz Lampin Yang Tidak Bersesuaian

Mengikut Garispandu Pemberian Alat Bantuan Penyusuan (*Breast Pump*) dan Lampin Pakai Buang, pemberian adalah sebanyak 2 pek lampin bagi setiap anak damit pada setiap bulan. Walaubagaimana pun, oleh kerana stok tidak mencukupi pada masa-masa tertentu telah menyebabkan ibu bapa untuk datang berulang kali hanya untuk mendapatkan stok lampin berkenaan. Selain daripada itu, terdapat permintaan daripada para ibu bapa bagi mendapatkan saiz lampin yang bersesuaian dan jenama yang lebih disukai.

2.1.2 Ketiadaan Tempat Penyimpanan Stok Lampin Pakai Buang

Pada masa ini, stok-stok lampin pakai buang disimpan di semua kemudahan-kemudahan atau fasiliti-fasiliti perkhidmatan ibu dan kanak-kanak diseluruh daerah. Memandangkan ruang yang ada di pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan adalah juga terhad dan diutamakan bagi kegunaan aktiviti penjagaan kesihatan seperti prosedur konsultasi, rawatan, pemulihan maka pihak pengurusan tidak dapat menyediakan tempat khas khusus bagi menyimpan stok-stok lampin pakai buang berkenaan. Dalam situasi tersebut ruang-ruang yang lazim digunakan mengikut ‘availability’ ialah seperti bilik stor *consumables* perubatan, bilik pendidikan kesihatan, bilik konsultasi dan malahan juga di belakang kaunter pendaftaran. Perkara ini boleh menjelaskan operasi perkhidmatan yang memerlukan ruang berkenaan di samping boleh membawa risiko-risiko kepada menghalang laluan jika terjadinya kecemasan dan terdedah kepada bahaya kebakaran. Cadangan untuk menambah ruang-ruang stor yang ada atau membangun stor baru telah dikira akan melibatkan peruntukan tambahan dan tidak *cost effective*.

2.1.3 Tenaga Manusia

Semenjak perlaksanaan pemberian lampin pakai buang, pihak Kementerian Kesihatan juga turut menghadapi cabaran dari segi tenaga manusia khusus bagi mengurus penerimaan bekalan dan penyimpanan pek-pek lampin pakai buang serta pengagihan kepada pihak penerima. Perkara ini telah banyak mengambil masa bekerja pegawai dan kakitangan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan mengagihkan stok berkenaan sehingga menjelaskan fungsi teras dan tugas harian pegawai dan kakitangan tersebut. Pengagihan

bekalan memerlukan pemunggahan kotak-kotak lampin pakai buang, pengurusan stok dan juga menghubungi ibu bapa secara berterusan. Pemunggahan kotak-kotak lampin pakai buang juga meningkatkan risiko kecederaan dikalangan jururawat dan kakitangan.

3. Perbandingan Jenis-Jenis Bantuan Anak Damit di Negara-Negara Luar

Pemberian bantuan yang dikhkususkan untuk kebajikan kanak-kanak yang dilahirkan (*child benefit*) adalah satu perkara yang lazim dipraktikkan di seluruh dunia terutama sekali di negara-negara maju di Eropah. Objektif pemberian bantuan di seluruh dunia berbeza dari satu negara dengan negara yang lain, begitu juga dengan bentuk bantuan yang dihulurkan samada dalam bentuk pemberian wang tunai, elaun cukai, pengecualian daripada pembayaran, subsidi, perkhidmatan percuma dan sebagainya. Kajian telah menunjukkan bantuan dalam bentuk insentif kewangan melalui pemberian wang tunai dan elaun cukai adalah yang paling lazim dihulurkan.ⁱ Kebanyakan negara-negara yang menghulurkan bantuan kanak-kanak pada kadar yang tinggi adalah negara-negara berekonomi tinggi, mengalami kadar pertumbuhan penduduk yang sangat rendah dan menghadapi cabaran peningkatan jumlah penduduk warga emas. Walau bagaimanapun, bantuan ini biasanya diberikan dalam bentuk pakej bantuan sosial secara menyeluruh dan tidak semestinya dikhkususkan untuk aspek kesihatan seperti galakan penyusuan ibu, tetapi lebih kepada meringankan kos penjagaan anak jangka panjang sehingga anak tersebut mencapai umur tertentu pada lazimnya sehingga 18 tahun.

Pemberian insentif kewangan bagi kelahiran anak damit juga dipraktikkan di negara-negara jiran seperti Singapura dan Malaysia. Contohnya di Singapura, *Baby Bonus Scheme* mula diperkenalkan pada 1 Januari 2015 bagi membantu ibu bapa yang berkeinginan untuk menambah bilangan anak dalam menangani kos penjagaan anak-anak. Skim ini diperkenalkan oleh Kementerian Sosial dan Perkembangan Keluarga (*Ministry of Social and Family Development*) Singapura sebagai salah satu inisiatif negara tersebut dalam usahanya untuk meningkatkan kadar pertumbuhan penduduk dan bagi menangani cabaran peningkatan jumlah penduduk warga emas.ⁱⁱ Manakala di Malaysia, setiap anak yang baru lahir diberikan dana tabungan permulaan di bawah insentif Amanah Dana Anak Malaysia 2050 (ADAM50) bermula pada 1 Januari 2018 hingga 2022 bagi menjamin masa depan generasi TN50.ⁱⁱⁱ

Walaupun kebanyakan bantuan anak damit diberikan dalam bentuk insentif kewangan, terdapat juga insentif dalam bentuk barang seperti bekalan barang-barang anak damit (seperti lampin pakai buang dan alat bantuan penyusuan), kereta, peti sejuk, pek materniti, baju tidur, buku mengenai ‘parenting’, manakala ada juga insentif dalam bentuk kemudahan perkhidmatan seperti pusat penjagaan anak percuma dan sebagainya. Dasar-dasar pemberian insentif seperti ini mempunyai objektif yang jelas untuk meningkatkan kadar kelahiran anak damit bagi menjana generasi ke arah pembangunan ekonomi yang berdayatahan.

4. Cadangan Penggantian Lampin Pakai Buang Dan Alat Bantuan Penyusuan Dengan Insentif Wang Tunai.

Berdasarkan isu-isu yang telah dikemukakan di para 2.1.1 hingga 2.1.3 di atas, Kementerian Kesihatan mencadangkan skim bantuan pemberian lampin pakai buang dan alat bantuan penyusuan ibu diteliti semula dengan bantuan dihulurkan dalam bentuk kewangan melalui pembukaan akaun anak damit. Sepertimana yang dipraktikkan di negara-negara lain, pemberian insentif kewangan dilaksanakan melalui pembayaran secara *one-off* pada kadar dan tempoh yang telah ditetapkan dan penubuhan akaun khusus bagi anak damit. Dengan cara ini, pengagihan bantuan bagi kelahiran anak damit di Negara Brunei Darussalam bolehlah dilaksanakan dengan lebih efisyien tanpa menjaskan fungsi dan operasi pihak-pihak yang terlibat dalam pengagihan lampin pakai buang dan alat bantuan penyusuan kepada penerima-penerima bantuan.

Antara kebaikan lain yang boleh dilihat daripada insentif wang tunai bagi membantu kelahiran anak damit ini termasuk:

- 1) Memberikan jaminan kewangan awal kepada anak damit melalui dana permulaan yang disimpan ke dalam akaun. Insentif ini juga adalah sebagai pendorong kepada ibu-bapa dan penjaga untuk mengamalkan sikap menabung bagi anak-anak mereka dari peringkat awal lagi;
- 2) Memberikan pilihan kepada ibu bapa dalam menggunakan bantuan wang tunai sesuai dengan keperluan masing-masing termasuk memilih saiz lampin yang tepat, jenama yang disukai dan malah untuk membeli produk-produk lain selain lampin dan alat bantuan penyusuan;
- 3) Boleh diserapkan dalam bantuan lain seperti elaun pelajaran, elaun kebajikan dan sebagainya (tertakluk kepada objektif dasar pemberian bantuan);

- 4) Mengelakkan daripada penyalahgunaan barang-barang bantuan yang tidak digunakan seperti penjualan semula lampin pakai buang dan alat bantuan penyusuan yang tidak bertepatan dengan kemahanan dan keperluan penerima bantuan; dan
- 5) Menjadi asas atau landasan bagi pengenalan skim dan insentif-insentif perkembangan sosio-ekonomi baru khusus untuk kanak-kanak di masa akan datang.

Kementerian Kesihatan mencadangkan kadar bantuan kewangan yang akan diberikan memadailah dengan menggantikan jumlah harga lampin pakai buang yang patut diberikan iaitu dalam tempoh 12 bulan dan harga alat bantuan penyusuan ibu yang diberikan setiap 2 tahun. Pembayaran wang tersebut bolehlah diselaraskan oleh Kementerian Kewangan samaada dari segi mekanisma pembayaran, penetapan kadar wang yang diberikan dan pembentukan skim bantuan yang lebih berdayatahan. Selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk terus memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam, objektif dasar pemberian bantuan untuk mengurangkan beban kewangan ibu bapa dalam menyambut kelahiran anak damit akan dapat dikekalkan. Walau bagaimanapun, adalah juga dicadangkan, objektif tersebut akan dapat diperluaskan lagi dengan lebih terperinci dengan mengaitkan insentif kelahiran anak damit dengan dasar pertumbuhan penduduk ke arah pembangunan ekonomi yang lebih mampan dan berdayatahan dari berbagai aspek termasuk aspek kesihatan.

5. Kesimpulan

Kementerian Kesihatan adalah komited untuk sentiasa memberikan kerjasama dalam mananai dan menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memeduli kebajikan dan memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Justeru itu, Kementerian Kesihatan turut memikul tanggungjawab dalam memastikan pemberian bantuan kepada ibu bapa dan anak damit akan dapat dilaksanakan dengan lebih efisyien dan berkesan serta mencapai objektif yang telah dihasratkan. Dalam pada itu juga, objektif pemberian bantuan untuk kelahiran anak damit ini perlu dijelaskan dengan lebih terperinci bagi mempersiapkan Negara Brunei Darussalam dalam

merancang dan memantau strategi-strategi pembangunan sosio-ekonomi melalui penggubalan dasar-dasar pembangunan yang berkesan di masa akan datang.

ⁱ Bradshaw, J and Finch, N orcid.org/0000-0001-5753-1783 (2002) A Comparison of Child Benefit Packages in 22 Countries. Research Report. Department of Work and Pensions Research Report, No.17. Corporate Document Services. (<http://eprints.whiterose.ac.uk/73510/1/Document.pdf>)

ⁱⁱ Baby Bonus – Parent Portal Homepage (https://www.babybonus.msf.gov.sg/parent/web/home? afrLoop=880772527272728& afrWindowMode=0&afrWindowId=mjubam7b1_1#%40%3F afrWindowId%3Dmjubam7b1_1%26 afrLoop%3D880772527272728%26 afrWindowMode%3D0%26 adf.ctrl-state%3Dmjubam7b1_29)

ⁱⁱⁱ Website (<https://www.malaysiakini.com/news/399754>)